

Indonesia mahu EAEC berkesan

Oleh Ibrahim Yahaya

LANGKAWI, Ahad — Indonesia yang menyokong penuh penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), mahu ia dilaksanakan dengan cara berkesan seperti diharapkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Presiden Suharto menyatakan pendirian itu dalam pertemuan mereka selama dua setengah jam pagi semalam.

"Indonesia menyokong gagasan EAEC dan mahu memastikan mekanismenya supaya pelaksanaannya nanti benar-benar berkesan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Suharto dan rombongannya.

Antara mekanisme yang dibincangkan ialah mengaitkan EAEC dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar (AMM)-Persidangan Lanjutan Menteri (PMC), menggabungkannya dalam Apec atau meletakkan EAEC dalam Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM).

Pilihan itu dicadangkan oleh Setiausaha Agung Asean dalam kertas kerjanya yang akan dibincangkan oleh Menteri-Menteri Asean.

Difahamkan cadangan memasukkan EAEC dalam AMM-PMC mungkin tidak dapat dilaksanakan kerana inesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean lebih khusus terutama membabitkan perkembangan politik seperti keselamatan.

Rombongan pemimpin Indonesia itu berlepas pulang jam 3 petang menggunakan pesawat Pelita Air dari Lapangan Terbang Langkawi di sini.

Semalam, Dr Mahathir dan Presiden Suharto mengadakan pertemuan empat mata selama dua jam setengah di Pelangi Beach Resort di sini. Pagi ini, mereka mempunyai atur cara masing-masing.

Dr Mahathir berkata, Malaysia merasakan EAEC tidak harus dikaitkan dengan mana-mana persatuan tetapi berminat mendengar pandangan yang dicadangkan

oleh rakan Asean.

"Kita mahu tahu apa faktor yang menyebabkan ada pihak mencadangkan EAEC itu perlu dikaitkan dengan pertubuhan lain," katanya.

Ditanya kenapa EAEC tidak perlu dikaitkan dengan rangka kerja pertubuhan lain seperti Apec, Perdana Menteri berkata:

"Jika Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) boleh berfungsi tanpa rangka kerja Apec, tidak ada sebab mengapa EAEC tidak boleh berdiri sendiri tanpa dikaitkan dengan Apec.

"Selain itu, EAEC bukan satu organisasi seperti Nafta tetapi ia bentuk rundingan yang longgar. Jika ahli Nafta juga menjadi anggota Apec, maka tidak ada sebab EAEC tidak boleh berfungsi seperti itu," katanya.

Mengenai cadangan Presiden Bill Clinton untuk mengadakan sidang kemuncak pemimpin anggota Apec di Seattle, Amerika Syarikat November ini, Dr Mahathir mengulangi pendiriannya tidak akan menyertai pertemuan itu.

Perdana Menteri menjelaskan, Presiden Suharto juga tidak menyatakan pandangannya secara terperinci tetapi mahu meneliti terlebih dahulu pandangan pemimpin Asean yang lain.

"Dalam Asean kita tidak melakukan perkara yang sama. Tetapi kebiasaannya kita mempunyai pendirian yang sama," katanya.

Bagalmanapun, beliau percaya Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean di Singdpura minggu depan akan membincangkan mengenai perkara itu dengan lebih lanjut.

Semalam Mesyuarat Pegawai Kanan Ekonomi Asean (SEOM) di Jakarta menolak cadangan Clinton menaikkan taraf Apec menjadi sidang kemuncak ketua negara.

Dr Mahathir juga menjelaskan beliau dan Presiden Suharto tidak membincangkan soal keselamatan di rantau ini terutama ancaman daripada kuasa-kuasa besar.